

12/06/1997

Pengundi Melekek diminta kekal calon BN

ALOR GAJAH, Rabu - Pengundi dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Melekek diminta mengekalkan kerusi itu kepada Barisan Nasional (BN) supaya segala projek pembangunan kerajaan dapat diteruskan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad, berkata kemenangan BN dalam pilihan raya kecil pada 14 Mei ini akan memberi imej positif terhadap kepemimpinan negara yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kekalahan BN di Teluk Intan tempoh hari perlu dijadikan iktibar oleh rakyat, khususnya pengundi di DUN Melekek, supaya kesilapan itu tidak berulang.

Menurutnya, kemenangan DAP di Teluk Intan menyebabkan parti berkenaan bersikap angkuh kerana menyifatkan kemenangan mereka dalam pilihan raya kecil itu sebagai satu permulaan 'gempa bumi'.

"DAP kononnya memberi amaran kepada BN, terutama kepada pemimpin MCA, bahawa kemenangan di Teluk Intan itu ibarat gempa bumi pada enam skala Richter," katanya dalam ceramah pilihan raya di Kampung Cherana Putih, malam tadi.

Isa berkata, bagi menunjukkan kekuatan BN, pengundi dalam DUN Melekek perlu menolak calon Bebas, J Appalasamy sehingga calon itu hilang wang pertaruhan dan pada masa yang sama juga, BN dapat menambah jumlah undi majoriti.

Beliau berkata, penduduk negara ini perlu bersyukur kerana negara aman dan makmur berbeza dengan sesetengah negara lain yang menghadapi masalah kebuluran dan peperangan.

Menurutnya, ada sesetengah pihak beranggapan pilihan raya tidak penting kerana berasaskan kehidupan mereka tetap seperti dahulu juga, walau parti apa pun yang menang.

"Anggapan ini perlu dikikis kerana keadaan itu mungkin berubah kepada suasana yang lebih teruk jika parti pembangkang yang radikal mendapat kuasa.

"Selain itu, kerajaan juga tidak mampu memuaskan hati pihak tertentu saja kerana ia juga perlu menimbangkan kepentingan lain yang membabitkan lebih ramai individu," katanya.

Menurut Isa, sewaktu pemerintahan British di Tanah Melayu pada awal 1940-an misalnya, banyak pihak mahukan tentera Jepun menang supaya dapat mengusir tentera British dari negara ini.

(END)